



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA
SAMBUT BAIK USAHA DIALOG NGO ISLAM DAN KOMUNITI INDIA
DALAM MENCARI TITIK PENDAMAIAN

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik inisiatif yang diambil oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam dan wakil komuniti India yang telah mengadakan pertemuan bagi mencari titik pendamaian berhubung isu yang timbul kebelakangan ini. Inisiatif seperti ini **mencerminkan kematangan rakyat Malaysia dalam menangani perbezaan secara berhemah.**

Sejarah telah membuktikan bahawa asas perpaduan negara ini terbina melalui rundingan, tolak ansur dan persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum sebelum kemerdekaan dan pembentukan Malaysia. Kesepakatan ini kemudiannya dimuktamadkan dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan dokumen tertinggi negara yang menjadi tunjang kepada kestabilan, keadilan dan keseimbangan antara kepelbagaian kaum, agama dan budaya. Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di samping menjamin kebebasan beragama, kewarganegaraan, bahasa kebangsaan serta kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera, tanpa menafikan hak kaum-kaum lain. Inilah formula unik Malaysia yang perlu terus difahami, dihormati dan dipertahankan oleh semua pihak.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab moral untuk bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang mencetuskan ketegangan melalui tindakan melampau atau provokatif. Undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 jelas memberi kuasa untuk menangani isu sensitif berkaitan kaum dan agama, tetapi penguatkuasaan masing-masing perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Sehubungan itu, agensi penguatkuasaan seperti PDRM dan SKMM mesti mempertingkatkan tindakan secara lebih tegas, pantas dan proaktif bagi membuktikan keberanian moral Kerajaan.

Dalam konteks semasa, beberapa insiden melibatkan sensitiviti agama dan kaum yang tular di media sosial juga menunjukkan betapa pentingnya ruang dialog, literasi perpaduan serta sikap saling menghormati terus diperkasa.

Hakikatnya, semua agama mengangkat nilai-nilai keamanan, persaudaraan, saling menghormati serta keperluan untuk hidup bersama dalam suasana harmoni. Oleh itu, **sebarang perbezaan hendaklah ditangani melalui pendekatan musyawarah, bukannya konfrontasi.**

KPN terus komited menyediakan pelbagai platform untuk merapatkan jurang kefahaman antara rakyat. Antaranya termasuk Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama serta pelaksanaan inisiatif Harmoni MADANI yang dilancarkan pada tahun 2024, sebagai wadah memperkukuh dialog antara agama dan budaya secara berterusan.

Sejak tahun 2023, Kementerian telah menyusun pendekatan yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi dalam memperkukuh perpaduan negara. Penekanan diberikan kepada penghayatan konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan Harmoni Dalam Kepelbagaian sebagai asas realiti masyarakat majmuk Malaysia. Dalam masa yang sama, usaha memperkasakan penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dipertingkatkan sebagai nilai teras kehidupan bermasyarakat. Kini, fokus diperkukuh ke arah **pembinaan negara bangsa sebagai agenda strategik negara, satu usaha penting untuk menyatukan rakyat Malaysia berteraskan identiti bersama, nilai kebangsaan dan rasa kebersamaan yang melangkaui perbezaan kaum, agama dan latar belakang.** Pendekatan ini diyakini mampu memperkukuh daya tahan sosial serta memastikan kestabilan jangka panjang negara.

Kepelbagaian yang dimiliki oleh Malaysia bukanlah satu kelemahan, sebaliknya merupakan kekuatan yang menjadi asas kepada keunikan dan kelebihan daya saing negara. **Setiap perbezaan harus diurus dengan hikmah, berlandaskan Perlembagaan Persekutuan serta semangat perpaduan nasional yang menjadi asas kekuatan negara.**

MENTERI PERPADUAN NEGARA

19 Mac 2026

KPN.100-9/1/16 (21)

